

PPN gerakkan pasaran buruh secara beransur-ansur

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula awal suku ketiga tahun ini mendorong pemulihan secara beransur-ansur dalam pasaran buruh dengan peningkatan sederhana guna tenaga.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata proses pemulihan berjalan secara berperingkat mengambil kira beberapa faktor utama, iaitu perjalanan rentas negeri masih tidak dibenarkan sepanjang suku ini.

Selain itu, negeri yang menyumbang 40 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan merangkumi 30 peratus guna tenaga negara iaitu Selangor dan Kuala Lumpur kekal dalam Fasa Satu bagi hampir keseluruhan tempoh itu.

"Kedua-dua negeri ini telah beralih ke Fasa Dua pada penghujung suku ketiga.

"Pelaksanaan PPN membolehkan pembukaan semula aktiviti sosial dan ekonomi secara progresif dan selamat dalam norma baharu serta pasaran buruh menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding suku tahun sebelumnya," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Laporan Sorotan Pasaran Buruh, Suku Ketiga 2021 (LMR ST3 2021) itu menghimpunkan statistik buruh suku tahunan dan mengetengahkan situasi terkini bagi menyediakan naratif yang komprehensif berhubung pasaran buruh Malaysia.

Mohd Uzir berkata, bilangan penduduk bekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 1.2 peratus kepada 15.27 juta orang, berbanding 2.2 peratus pada suku sebelumnya.

"Sementara itu, bilangan penganggur meningkat 0.2 peratus kepada 746,200 orang berbanding suku ketiga 2020, iaitu 745,000 orang.

"Kadar pengangguran pula kekal pada 4.7 peratus. Pada suku ini, kadar penyertaan tenaga buruh turun 0.1 mata peratus kepada 68.3 peratus berbanding setahun yang lalu," katanya.

Mengenai situasi guna tenaga tidak penuh pada suku ketiga 2021, beliau berkata, bilangan yang bekerja kurang dari 30 jam seminggu melonjak 15 peratus kepada 464,400 orang berbanding suku sama tahun lalu, 403,800 orang.

"Ini memandangkan sekitar 60 hingga 80 peratus pekerja sektor swasta dibenarkan bekerja di premis mengikut giliran tertakluk kepada fasa PPN dengan kebenaran pelanjutan waktu operasi perniagaan secara berperingkat.

"Susulan itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa meningkat kepada 2.1 peratus, merangkumi 326,200 orang.

"Dalam masa sama, bilangan penduduk bekerja berpendidikan tertiar yang bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah mencatatkan peningkatan 6.3 peratus berbanding suku ketiga 2020 yang merekodkan seramai 1.87 juta orang.

"Ini menyebabkan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran meningkat sebanyak 0.9 mata peratus kepada 37.7 peratus," katanya.

Menyentuh aspek permintaan buruh, Mohd Uzir berkata, jumlah jawatan dalam sektor swasta berkurang sebanyak 0.8 peratus kepada 8.41 juta jawatan berbanding 8.47 juta jawatan pada suku sama tahun sebelumnya.

"Jawatan diisi jatuh 0.7 peratus kepada 8.23 juta jawatan, sementara kekosongan jawatan berkurang sebanyak 3.0 peratus kepada 174,000 ribu jawatan .

"Kadar kekosongan jawatan pula kekal pada 2.1 peratus bagi tempoh lima suku tahun berturut-turut sejak suku 2020, manakala kadar jawatan diisi adalah 97.9 peratus.

"Suku ketiga 2021 menyaksikan pewujudan jawatan lebih rendah iaitu 15,000 dibandingkan 21,000 pewujudan jawatan pada suku sama setahun yang lalu," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/889328/ppn-gerakkan-pasaran-buruh-secara-beransur-ansur>